

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 OGOS 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

### Jurang pendapatan isi rumah 9 negeri membimbangkan

# Jurang pendapatan isi rumah 9 negeri membimbangkan

Pakar saran wujud pelan strategik pembangunan, kerjasama dengan Persekutuan mesti diperkuuh

Oleh Shahrizan Salian  
shahrizan\_salian@mediaprime.com.my

**Kuala Lumpur:** Jurang pendapatan isi rumah di sembilan negeri Terengganu, Negeri Sembilan, Sarawak, Pahang, Perlis, Sabah, Perak, Kedah dan Kelantan dikesan semakin melebar dan membimbangkan.

Data semasa menunjukkan sembilan negeri terabit merekodkan pertumbuhan dan tahap pendapatan lebih rendah daripada purata peningkah isi rumah nasional berbanding lima negeri lain iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Melaka.

Sehubungan itu, pakar ekonomi juga Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia (MINDA-UKM), Profesor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata perhatian khusus amat perlu diberikan kepada sembilan negeri terabit, tambahan pula kira-kira 49 peratus penduduk Malaysia tinggal di negeri berkenaan.

"Data pendapatan mengikut tahun juga menunjukkan jurang yang semakin melebar. Jurang pendapatan negeri terkaya (Selangor) berbanding negeri termiskin (Kelantan) semakin besar, iaitu RM2,593 pada 2009 kepada RM6,369 pada 2022. Peningkatan pendapatan perlahan dan kekal rendah di sembilan negeri terbelakang," katanya kepada BH.

Mengikut data terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang dikeluarkan bulan lalu, pendapatan peningkah isi rumah di Malaysia ketika ini adalah RM6,338, manakala purata pendapatan isi rumah pula RM8,479.

Pendapatan isi rumah ini merangkumi pendapatan bergaji, bekerja sendiri dan pendapatan daripada pelaburan.

Menjelaskan lebih lanjut, Noor Azlan yang juga Bekas Pengarah Esekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dari 2020

hingga 2022 berkata, jurang atau perbezaan pertumbuhan dan pendapatan antara lima negeri pendahulu atau dilabel sebagai negeri lokomotif, dengan sembilan negeri terbelakang itu jelas sangat ketara.

"Pertumbuhan dan pembangunan ekonomi mesti bersifat inklusif. Semua negeri, semua rakyat mesti berasa manfaatnya. Saya yakin ini juga antara teras Ekonomi MADANI."

"Perancangan pembangunan khusus negeri sangat diperlukan, belanjawan tahunan negeri sahaja tidak mencukupi. Di samping pelan pembangunan induk dan sektoral negara, kita mesti berperhatian yang khusus untuk setiap negeri.

"Perancangan pembangunan bersifat khusus negeri sangat penting. Negeri dan wilayah lokomotif juga tidak boleh leka, terus membangun dengan pantas," katanya.

Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Melaka dilabel sebagai "lokomotif" ekonomi negara kerana merekaikan pertumbuhan dan tahap pendapatan yang lebih tinggi daripada purata peningkah isi rumah negara.

#### Kurangkan jurang

Kira-kira 62 peratus daripada Kewangan Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia juga disumbangkan oleh kelima-lima negeri ini, yang berada dalam zon pertumbuhan dan pendapatan tinggi. Noor Azlan juga menyayarkan agar saranan pertumbuhan dan pembangunan khusus negeri perlu diangkat dan diumumkan kepada orang ramai, manakala pelaksanaan dan kemajuannya mesti dipantau serta dilaporkan dari semasa ke semasa.

"Kepemimpinan kerajaan negeri juga mestilah meneraju dan bertanggungjawab. Bukan matlamat untuk menyamai negeri atau wilayah lokomotif, tetapi memadai dapat mengurangkan jurang secara terancang," katanya.

Beliau menambah, pelan strategik pembangunan negeri mesti diwujudkan dan kerjasama antara Persekutuan dan negeri mesti diperkuuh, manakala Kementerian Ekonomi tidak lagi boleh tertutup kepada Putrajaya.

"Sebagai ahli ekonomi, seruan saya bersama untuk pembangunan ekonomi, perbezaan politik tidak boleh dijadikan halangan untuk pembangunan ekonomi, rakyat yang merana," katanya. Baru-baru ini, Perdana Men-

Pertumbuhan dan pembangunan ekonomi mesti bersifat inklusif. Semua negeri, semua rakyat mesti merasa manfaatnya. Saya yakin ini juga antara teras Ekonomi MADANI.

**Noor Azlan Ghazali**  
Pakar ekonomi yang juga Pengarah MINDA-UKM



teri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan bahawa Kerajaan Perpaduan yang menerajui Kerajaan Pusat mengabaikan Kelantan, sebaliknya negeri itu menerima peruntukan yang besar.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menjawab isu ditimbulkan Penolong Setiausaha Agung PAS yang juga Ahli Parlimen Bachok, Mohd Syahir Sulaiman dalam Debat Model Ekonomi Baharu Malaysia, bahawa Kerajaan Persekutuan kini menganaktirikan Kelantan.

Dalam debat bersama Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli itu, Mohd Syahir mendakwa, punca utama Kelantan masih menjadi negeri miskin disebabkan isu "federalisme" yang mana beberapa hak negeri itu dinafikan, termasuk rovalti disebabkan perbezaan perdabiran antara kerajaan Persekutuan dan negeri.

Anwar sebaliknya menegaskan, ketika pentadbirannya sekarang peruntukan yang diberikan kepada Kelantan jauh lebih tinggi berbanding ketika PAS dan BERSATU menjadi Kerajaan Persekutuan.

Pada 27 Julai lalu, Anwar yang juga Menteri Kewangan melancarkan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, iaitu kerangka ekonomi yang menggariskan dua fokus utama iaitu menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat.